



SIARAN MEDIA

LAWATAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE NAFAS

PETALING JAYA, 14 MAC 2023 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengadakan satu lawatan kerja yang pertama ke ibu pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di Kota Damansara pada hari ini.

Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu disambut Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Dato' Zamri bin Yaakob dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris bin Arriffin serta barisan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham bin Mohd dan Setiausaha Bahagian (Pembangunan Industri Padi) KPKM, Datuk Azman bin Mahmood.

Agenda utama kunjungan itu adalah bagi memperkenalkan struktur serta fungsi NAFAS dalam melaksanakan peranan seiring dengan visi dan misi Kementerian sebagai peneraju transformasi pertanian supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif.

NAFAS selaku agensi pelaksana yang merupakan sebahagian daripada entiti perniagaan yang menyumbang kepada pemangkin industri baja negara. NAFAS merupakan induk kepada rangkaian Pertubuhan Peladang di peringkat nasional dan seterusnya memayungi 14 Pertubuhan Peladang Negeri dan 279 Pertubuhan Peladang Kawasan dengan hampir 1 juta ahli Peladang dari seluruh negara.

Yang Berhormat Menteri KPKM turut dibawa melawat pameran mengenai perniagaan NAFAS dan syarikat-syarikat subsidiari NAFAS. Beliau turut sempat beramah mesra bersama pengurusan dan staf NAFAS.

NAFAS sentiasa komited untuk bekerjasama sebagai satu pasukan bersama-sama KPKM dalam memastikan sektor pertanian Malaysia kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia selain memastikan industri pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.

**DIKELUARKAN OLEH:
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN
14 MAC 2023**